



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**SIARAN MEDIA
KEM PERPADUAN ANAK MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024**

KUCHING, 28 September 2024 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganjurkan **Kem Perpaduan Anak Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024** yang telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan bertempat di Centre for Technology Excellence, Kuching, Sarawak.

Penganjuran Kem Perpaduan Anak Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 ini bertemakan “**Menjiwai Rukun Negara**” yang berteraskan konsep membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian seiring dengan objektif meningkatkan semangat patriotisme serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar. Penglibatan kem ini terdiri seramai **120 peserta iaitu 14 pelajar Melayu, 13 pelajar Cina, 14 pelajar India, dan 79 pelajar yang terdiri daripada etnik Sabah, Sarawak, Siam, Baba Nyonya, Portugis, Orang Asli dan Sikh**. Penganjuran kem pada kali ini juga adalah susulan daripada kejayaan penganjuran kem tahun lalu yang telah dilaksanakan di Perak, Kedah dan Melaka.

Bermula tahun 2000, JPNIN dan KPM telah menubuhkan **Kelab Rukun Negara (KRN)** di sekolah-sekolah seluruh negara sebagai usaha memperkasakan dan memperkuuhkan pengetahuan, pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam diri pelajar bagi setiap peringkat institusi pendidikan. Sehingga kini terdapat sebanyak **6,849 KRN telah ditubuhkan** di seluruh negara merangkumi SK, SJK(C), SJK(T), SMK dan SMK swasta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **408 KRN telah ditubuhkan di Sarawak**. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan **memastikan kesemua sekolah rendah kerajaan menubuhkan KRN serta turut diperluaskan kepada sekolah swasta**.

YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata beliau amat serius dalam menekankan bahawa penghayatan dan pemahaman Rukun Negara dan kenegaraan perlu diterapkan dengan konsep “**Cradle to Grave**”.

Ketika ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan agensi dibawahnya seperti Modul Pendidikan Rukun Negara di Tabika Perpaduan, Program Kenali Budaya Kita, Proogram Bermalam di Muzium, Eksplorasi Rukun Negara di IPT, Ejen & Duta Perpaduan, Program Jalinan Integrasi Mahasiswa Nasional, dan Debat Perpaduan.

Beliau turut berkata bahawa KPN akan terus memberi fokus kepada penghayatan Rukun Negara. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan tahun hadapan adalah **Sambutan 55 Tahun Rukun Negara, syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan, lafaz ikrar Rukun Negara di peringat Dewan Undangan Negeri, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara dan meluaskan modul pendidikan Rukun Negara kepada prasekolah KPM, Tabika KEMAS dan tadika swasta.**

Cita-cita dan prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara adalah landasan kepada perpaduan, keharmonian, dan kemakmuran masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Pada masa yang penuh cabaran ini, adalah penting untuk kita **menghidupkan semula semangat Rukun Negara dalam kehidupan seharian** kita. Dengan Menjiwai Rukun Negara, kita bukan sahaja memperkuuh ikatan antara kita, tetapi juga membina masa depan yang lebih cerah dan sejahtera untuk generasi akan datang.

Kementerian Perpaduan Negara

28 September 2024